

Headline	Pengurus TNB dituduh rasuah, ubah wang haram		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Oct 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	25
ArticleSize	398 cm <sup>2</sup>	Journalist	Nor Fazlina Abdul
PR Value	RM 41,001		



# Pengurus TNB dituduh rasuah, ubah wang haram

➔ 13 pertuduhan babit nilai RM125,200 pada 2013, 2014

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim

nfazlina@bh.com.my

► Kota Bharu

**P**engurus Tenaga Nasional Berhad (TNB) Kota Bharu dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas 13 pertuduhan membabitkan rasuah dan pengubahan wang haram bernilai RM125,200 pada 2013 dan 2014.

Tertuduh, Arman Che Othman, 47, mengaku tidak bersalah selepas tuduhan dibacakan di depan Hakim Nazri Ismail.

Bagi tuduhan pertama dan kedua, dia dituduh terbabit dengan pengubahan wang haram berjumlah RM64,200 di Public Bank Wakaf Siku di sini, pada 18 September 2013 dan 18 Oktober 2014.

Dia didakwa mengikut Seksyen 4 (1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 dan

sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM5 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

**Terima rasuah RM61,000**

Bagi tuduhan ketiga sehingga ke-

13, tertuduh sebagai Pengurus TNB Tanah Merah didakwa memperolehi rasuah RM61,000 dari sebuah syarikat di Public Bank Tanah Merah, Wakaf Siku dan Kota Bharu antara September 2013 hingga Julai 2014.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Asnawi Abu Hanipah dan Shahidah Muslimah Roslan, manakala tertuduh diwakili peguam, Datuk Shukri Mohamed.

Terdahulu, Mohd Asnawi memohon mahkamah mengenakan jaminan RM60,000 bagi semua kes terhadap tertuduh.

Bagaimanapun, Shukri memohon jaminan dikurangkan kepada RM30,000 kerana tertuduh masih bertugas, harta miliknya sudah disita dan bekerja di Kota Bharu.

Nazri kemudian menetapkan jaminan RM40,000 dengan seorang penjamin dan meminta pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah, selain menetapkan 15 November sebagai tarikh sebutan semula kes.

Headline	Pengurus TNB dituduh rasuah, ubah wang haram		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Oct 2016	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Nasional	Page No	25
ArticleSize	398 cm <sup>2</sup>	Journalist	Nor Fazlina Abdul
PR Value	RM 41,001		



[FOTO ZAMAN HURI ISA/BH]

**Arman (tengah) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen atas 13 tuduhan rasuah dan pengubahan wang haram RM125,200 di Kota Bharu, semalam.**